

# Tiada kaum hilang identiti di bawah BN

UM 18 AUG 2002

KUALA TERENGGANU 17 Ogos — Perdana Menteri, **Datuk** Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata tiada **mana-mana kaum** di negara ini yang **hilang** identitinya di bawah pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (**BN**).

**Menurut** beliau, sejak **penubuhannya**, BN telah **memperjuangkan** wawasan masa depan negara yang mengambil kira **keharmonian**, rasa saling menghormati dan **muhibbah** di **antara** rakyat pelbagai kaum.

Namun beliau mengingatkan **betapa** perlunya BN bersedia menghadapi **cabaran** dan ujian lebih getir **pada** masa depan.

**Perdana Menteri** turut mengingatkan bahawa sebagai sebuah **parti** yang **memperjuangkan** **cita-cita bangsa** dan negara, cabaran yang akan dihadapi ialah tekanan ekstremisme, kefanatikan politik dan **cauvinisme** kaum dalam setiap kelompok **masyarakat**.

Beliau yang **juga** Pengerusi **Barisan Nasional** menyatakan demikian dalam **kata-kata** aluan **pada** buku cenderamata **sempena** Konvensyen BN Terengganu di Hotel Grand Continental di **sini** hari **ini**.

---

## Perkongasian

Sehubungan itu, beliau menekankan **betapa** perlunya pendekatan **bagi menangan** masalah kesempitan fikiran di **kalangan** segelintir rakyat dan memanfaatkan **parti** demi kemakmuran, kesejahteraan dan kemajuan.

"Rakyat berbilang kaum **sangat memer**lukan sebuah negara yang **aman** dan **stabil** supaya **dapat** menjamin masa depan mereka.

"Jika negara **kita** lemah, bukan sahaja kehidupan rakyat pelbagai kaum akan menjadi kucar-kacir, malah usaha **pembangunan** negara tidak dapat dilakukan dengan berkesan **dan** baik," ujar beliau.

**Menurut** Dr. Mahathir, melalui **perkongasian** kuasa memerintah dalam BN **sejak** 45 tahun mencapai kemerdekaan, **perlu** dipastikan supaya BN terus berjaya membangunkan **bangsa** dan negara **dengan** gemilang melalui kesepakatan dan **perkongasian** **ini**.